

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN  
[PETALING JAYA SELATAN ]**

**TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan pengambilalihan konsesi tol Lebuhraya Utara-Selatan oleh beberapa konsortium terutama UEM mengenai harga dan terma syarat yang ditawarkan oleh syarikat tersebut.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, UEM Group Berhad (UEM) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah mengambilalih PLUS melalui penstrukturan semula pada tahun 2011 dengan nilai tawaran sebanyak RM23 bilion. Dengan pengambilalihan ini, UEM dan KWSP masing-masing memegang saham sebanyak 51% dan 49%. Hasil penstrukturan semula ini, tiada kenaikan kadar tol dilaksanakan sehingga 2015 tanpa pampasan oleh pihak Kerajaan dan kenaikan kadar tol bagi tahun 2016 hingga tamat konsesi pada 2038 ditetapkan pada kadar 5 peratus setiap 3 tahun.

Pada bulan Mac 2014, terdapat cadangan pengambilalihan PLUS daripada sebuah syarikat bagi melaksanakan Skim Lebuh raya Bertol Mesra Rakyat di mana kadar tol tetap (*flat toll rate*) berasaskan kadar tol yang dikenakan oleh PLUS pada masa kini, dikekalkan sehingga tamat konsesi iaitu pada tahun 2038.

Lanjutan daripada itu, Kerajaan telah meneliti cadangan tersebut dan mendapati bahawa andaian (*assumption*) dan maklumat yang dikemukakan oleh syarikat adalah tidak tepat. Sehubungan itu, Kerajaan telah memutuskan untuk tidak mempertimbangkan cadangan yang dikemukakan oleh syarikat tersebut.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
SOALAN LISAN**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG]

**TARIKH** : 09 JUN 2014

**SOALAN** :

**Tuan Idris Bin Haji Ahmad** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah status penyiasatan dan tindakan ke atas sebuah kilang di Kamunting, Taiping yang membuang air kumbahan di dalam sungai sehingga menjejaskan pendapatan nelayan di Sungai Sepetang, Kampung Dew yang juga kawasan klip-klip.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Cawangan Taiping telah menjalankan siasatan ke atas punca-punca yang melepaskan efluen di sepanjang Sungai Sepetang dan kawasan-kawasan sekitarnya. Hasil siasatan yang dijalankan pada 24 Februari 2014 mendapati pelepasan efluen dari premis-premis tersebut mematuhi standard pelepasan yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Jabatan Alam Sekitar akan terus memantau rapi pengoperasian premis-premis yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap Akta tersebut.

Sekian, terima kasih.